

Kanunkan semula tulisan jawi dalam Akta Pendidikan

PORT DICKSON 24 Sept. - Tulisan jawi perlu dikanun semula di dalam Akta Pendidikan supaya ia diajar sebagai tulisan Melayu sebenar selain tulisan rumi, kata seorang aktivis bahasa dan persuratan, Hashim Musa.

Beliau berkata, ia adalah antara langkah yang boleh diambil untuk memupuk tulisan jawi serta seni khat dan memperkasakannya selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengekalkan warisan sejak 1,000 tahun itu.

"Langkah paling baik ialah memasukkan

pembelajaran tulisan jawi dalam bahasa Melayu dan bukan sekadar dalam Pendidikan Islam sahaja. Tulisan jawi hendaklah dikaitkan dengan khazanah persuratan Melayu," katanya di sini.

Katanya, antara langkah lain yang boleh dilakukan ialah mencetak kembali surat-surat emas raja dan pembesar Melayu, manuskrip lama dalam format besar dan disebarkan dengan publisiti meluas, di samping boleh dijadikan hiasan di pejabat-pejabat kerajaan serta badan-badan berkanun.

UM - 25/9/2006

Menurutnya tulisan jawi juga perlu dibudayakan pada hari-hari perayaan masyarakat Melayu, seperti Aidilfitri, Aidiladha, Maulidur Rasul, Maal Hijrah dan sebagainya dan kain rentang bertulisan jawi mengenai sambutan itu hendaklah dipamerkan di kawasan umum.

Kata Hashim, antara langkah lain yang boleh diambil ialah mengadakan minggu tulisan jawi di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi di samping membanyakkan bengkel, peraduan dan pameran.

Menurutnya, usaha menyuburkan serta

mempromosikan tulisan jawi dan seni khat juga boleh dikembangkan ke negara jiran seperti di Brunei, Indonesia, Singapura, selatan Thailand dan selatan Filipina dengan mengadakan seminar dan bengkel antarabangsa untuk memperkasakan tulisan berkenaan.

Beliau berkata, mereka yang menguasai jawi tidak rugi, bahkan mempunyai nilai tambah yang tinggi kerana mempunyai ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tamadun besar di rantau Asia Tenggara.

- Bernama